

# Banjir Kelantan: Air naik mendadak, lebih 150 penduduk terperangkap diselamatkan

Astro Awani | 📅 Disember 01, 2019 21:40 MYT



Menurut polis, air masih lagi melimpahi kawasan berkenaan dan air yang melimpah secara mendadak itu dipercayai turun dari bukit berdekatan.

**KUALA KRAI:** Tiada kemalangan jiwa berlaku dalam kejadian limpahan air bukit di Chuchuh Puteri dan Sungai Pas, Kuala Krai petang tadi yang menyaksikan video tragedi berkenaan tular di media sosial.

Ketua Polis Daerah Kuala Krai, Superintendan Suzaimi Mohamed ketika dihubungi *Astro AWANI* memaklumkan, kesemua mangsa yang terperangkap telah berjaya dibawa keluar.

Menurutnya, jumlah mangsa melibatkan 86 orang penduduk di Chuchuh Puteri dan 71 di Sungai Pas.

Kesemua mangsa limpahan air itu berjaya dibawa keluar dan kini berada di pusat pemindahan sementara di Masjid Chuchuh Puteri.

Pada masa ini katanya pemantauan sedang dilakukan oleh agensi keselamatan melibatkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Angkatan

Pertahanan Awam (APM).

Jalan masuk ke Sungai Pas dan Chuchuh Puteri tidak boleh dilalui kerana tanah runtuh, dan jalan untuk memasuki kawasan berkenaan hanya boleh dilalui menggunakan Jalan Latarek.

Menurut Suzaimi lagi, jumlah kerosakan melibatkan harta benda dan juga kenderaaan masih belum diperolehi.